



4 Mei, 2012

Ruj. Tuan : (112) dlm.PAR.3/350
Ruj. Kami :

**Yang Berhormat
Ahli-ahli Dewan Rakyat**

Yang Berhormat,

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KEDUA BELAS

Dengan hormatnya dimaklumkan menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 9(2)(a) iaitu Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Kedua Belas akan diadakan pada tarikh-tarikh yang berikut:-

1. **TARIKH-TARIKH MESYUARAT**

DEWAN RAKYAT

1. Isnin	11 Jun, 2012	7. Rabu	20 Jun, 2012
2. Selasa	12 Jun, 2012	8. Khamis	21 Jun, 2012
3. Rabu	13 Jun, 2012	9. Isnin	25 Jun, 2012
4. Khamis	14 Jun, 2012	10. Selasa	26 Jun, 2012
5. Isnin	18 Jun, 2012	11. Rabu	27 Jun, 2012
6. Selasa	19 Jun, 2012	12. Khamis	28 Jun, 2012

Jumlah Hari Mesyuarat = 12 hari

DEWAN NEGARA

1. Isnin	9 Julai, 2012	4. Khamis	12 Julai, 2012
2. Selasa	10 Julai, 2012	5. Isnin	16 Julai, 2012
3. Rabu	11 Julai, 2012	6. Selasa	17 Julai, 2012

Jumlah Hari Mesyuarat = 6 hari

2. WAKTU PERSIDANGAN

Waktu persidangan ialah dari pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.30 petang hingga 5.30 petang pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.

3. TEMPAT MESYUARAT

Mesyuarat-mesyuarat Dewan Rakyat akan diadakan di Dewan Mesyuarat Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

4. TARIKH-TARIKH TUTUP MENERIMA PEMBERITAHUAN

4.1 Adalah dimaklumkan iaitu pemberitahuan-pemberitahuan urusan untuk dipertimbangkan di Mesyuarat ini hendaklah dihantar seberapa segera yang boleh dan sampai ke Pejabat ini **tidak lewat** daripada tarikh-tarikh yang dinyatakan di bawah:

4.1.1 Pertanyaan-pertanyaan (Jawab Lisan/Bertulis)

Jumaat, 18 Mei, 2012, jam 5.00 petang.
Kerjasama Ahli Yang Berhormat amatlah dihargai agar tidak menghantar pemberitahuan pertanyaan pada saat-saat akhir. Harap ambil perhatian perkara di para 2(i) dalam NOTA berlampir.

4.1.2 Nombor-nombor Faks untuk menghantar Pertanyaan Lisan/Bertulis/Usul

Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat
Y.Bhg. Datuk Roosme binti Hamzah
Nombor Faks : 03-20704676

Pejabat Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan
Encik Che Seman bin Pa Chik
Nombor Faks : 03-26986170

Cawangan Perundangan, Bahagian Pengurusan Dewan
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan atau
Encik Mohd Ikram bin Rahimi
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim
Nombor Faks : 03-20317972

4.1.3 Usul-usul

Tarikh tutup penerimaan Usul-usul adalah tertakluk kepada jenis-jenis usul dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Buku Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Pemberitahuan Usul hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Dewan Rakyat atau Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan ditandatangani - PM 27 (2) dan 18 (2).

4.1.4 Usul mengenai Rang Undang-undang daripada Ahli yang bukan Ahli Kerajaan

Tarikh tutup penerimaan usul ini hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari (14) sebelum sesuatu hari persidangan bermula - PM 27 (3) dan PM 49 (2).

- 4.2 Satu nota mengenai Pertanyaan-pertanyaan, Usul-usul dan Rang Undang-undang daripada **Ahli yang bukan Ahli Kerajaan disertakan bersama ini untuk panduan Yang Berhormat.**
- 4.3 Pemberitahuan-pemberitahuan urusan **hendaklah** ditandatangani oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.
5. Bagi memudahkan urusan surat-menyurat, adalah diharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi butir **alamat kediaman dan nombor telefon (sebaik-baiknya telefon bimbit) pilihan masing-masing sama ada secara perseorangan ataupun berkumpulan semasa berada di Kuala Lumpur** dalam masa persidangan bagi membolehkan pejabat ini menghantar dokumen dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan mesyuarat ini.
6. Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diingatkan bahawa Pemberitahuan Pertanyaan-pertanyaan, Usul-usul dan lain-lain, hendaklah dibuat dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun terjemahan pertanyaan-pertanyaan dalam Bahasa Inggeris, jika dikirimkan bersama, adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



[DATUK ROOSME BINTI HAMZAH]
Setiausaha Dewan Rakyat
Parlimen Malaysia.